

21/09/1998

KDN pertahan siasatan polis

Mohd Rashidi Yusof

GERIK, Ahad - Kementerian Dalam Negeri (KDN) mempertahankan cara polis menjalankan siasatan terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada kerajaan dan Umno atas alasan salah laku seksual.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata penyiasatan itu berjalan seperti yang dilakukan polis Amerika Syarikat terhadap Presidennya, Bill Clinton.

"Oleh itu, saya bersetuju dengan cara polis kita sekarang ini kerana di Amerika Syarikat, Presiden Bill Clinton tidak diletakkan dalam kandang orang salah, tetapi kesnya terus disiasat," katanya kepada pemberita sebelum majlis penerangan mengenai pemecatan Anwar di Dewan Bandaran Gerik di sini, petang ini.

Anwar dalam kenyataannya semalam menyifatkan cara penahanan, penyiasatan dan tuduhan terhadap rakannya, Dr Munawar Ahmad Anees dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja, sebagai gaya 'Gestapo ala-Mahathir.'

Beliau juga sebelum ini menyamakan tindakan polis menahan rakan dan kakitangannya dengan taktik ejen Mossad iaitu ejen perisikan Israel yang terkenal dengan kebolehan mengumpul maklumat untuk menghapuskan musuh negara.

Tajol Rosli meminta rakyat bertenang dan tidak mengambil sebarang tindakan sebelum proses siasatan selesai dijalankan.

Ketika ditemui pada majlis berasingan di Sauk, Kuala Kangsar, pagi ini, Tajol Rosli menafikan polis dan mahkamah 'dibeli' oleh kerajaan.

Sebaliknya, tegas beliau, kedua-dua institusi itu tetap mempunyai kewibawaannya.

(END)